WAKTU SOLAT

Daerah Petaling dan kawasan yang sewaktu dengannya

SUBUH	SYURUK
05:49	07:11
ZUHUR	**ASAR**
13:22	16:46
MAGHRIB	**ISYAK**
19: 31	20:45
IMSAK	05:39

MUTIARA AL-QURAN

Sesungguhnya Kami menghidupkan orang-orang yang mati, dan Kami tuliskan segala yang mereka telah kerjakan serta segala kesan perkataan dan perbuatan yang mereka tinggalkan. Dan (ingatlah) tiap-tiap sesuatu kami catitkan satu persatu dalam Kitab (ibu Suratan) yang jelas nyata.

(Surah Yassin ayat 12)

Sebarang cadangan & komentar sila e mailkan kepada kami di:
suarapiu@yahoo.com
atau, hubungi kami di:

PUSAT ISLAM UNIVERSITI,
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA,
43400 UPM SERDANG,
SELANGOR DARUL EHSAN.
TEL: 03-89468582
FAKS: 03-89483742

HEBAHAN & MAKLUMAN

1. Imam / Khatib yang bertugas Juma'at minggu ini **19 Julai 2013 / 10 Ramadhan 1434H** : **Ustaz Alzasha Illiyyin bin Zainal Alam**

2. Sesi Bacaan al-Quran & terjemahan sebelum Solat Fardhu Juma'at **, Ayat 1 - 11 Surah al-Fussilat** yang akan disampaikan oleh **Ustaz Mohd Asri bin Drahman** (Al-Quran) & (Terjemahan)

3. Pusat Islam Universiti, Universiti Putra Malaysia dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) akan menganjurkan Kursus Pra Perkahwinan pada 24-25 Ogos 2013 (Sabtu-Ahad) jam 8.00 pagi – 5.00 petang bertempat di Dewan Ibnu Sina, Pusat Islam Universiti, UPM. Yuran penyertaan staf RM70.00 /pelajar RM 60.00. Untuk Maklumat lanjut tuan/puan bolehlah menghubungi Ustazah Siti Rohani (03-8946 8582) atau Mohd Firdaus (03-8946 8582). Penyertaan terbuka kepada staf dan pelajar UPM sahaja.

3. Sempena di bulan Ramadhan Al-Mubarak, Pusat Islam Universiti dan Masjid UPM ingin mempelawa pihak tuan/puan yang budiman untuk turut sama merebut peluang kebajikan dalam menyumbang makanan atau tajaan. untuk mereka yang berbuka puasa di Bulan Ramadhan. Sebagai makluman, sebahagian besar para jemaah yang menghadiri Majlis Berbuka Puasa setiap tahun adalah terdiri daripada mahasiswa/mahasiswi UPM, staf UPM, musafir dan penduduk setempat yang tinggal berhampiran dengan Masjid UPM. Jumlah sumbangan tajaan untuk berbuka puasa harian adalah sebanyak RM 1000 (sehari) untuk jamuan kira-kira 350 - 400 orang jemaah yang berbuka di Masjid UPM. Kepada sesiapa yang berminat untuk menyumbang makanan untuk berbuka puasa di Masjid UPM, bolehlah menghubungi kami di talian 03-8946 8582/ 8581 (Ust. Norhisyam). Sumbangan ikhlas boleh disalurkan melalui **(CIMB Bank), (Nombor Akaun 12150008695053: Akaun Aktiviti Ramadhan Masjid UPM) dan** emailkan slip pembayaran tersebut ke **ramadhanmasjidupm@gmail.com atau norhisyam@upm.edu.my** untuk tujuan resit.

INFO RAMADHAN

19 Julai 2013 / 10 Ramadhan 1434H http://www.pic.upm.edu.my

ميمبر ڤوترا

Mimbar Putra

RISALAH JUMAAT MINGGUAN MASJID UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA Mimbar Putra/12/2013

" PENGHAYATAN AL-QURAN "

(Petikan Khutbah JAIS)

SEDUTAN KHUTBAH

Al-Quran merupakan kalamullah yang diturunkan kepada baginda Rasulullah s.a.w. melalui Malaikat Jibril A.S. Antara misi utama al-Quran adalah untuk membangunkan akhlak manusia. Membangun akhlak ertinya membina, membentuk dan meningkatkan akhlak manusia agar mendapat keredhaan Allah SWT. Fungsi alQuran yang menjadi pencetus akhlak terpuji, bukan sahaja kepada masyarakat Islam, bahkan untuk semua manusia seperti seruan supaya berilmu, beriman, bertaqwa dan beramal soleh

Al-Quran adalah mukjizat Rasulullah s.a.w Allah telah menunjukkan betapa agungnya isi kandungan al-Quran. Antara hikmah al-Quran jika dibaca dengan penuh penghayatan nescaya dapat mententeramkan jiwa, mengalir satu perasaan kedamaian di sanubari pembacanya dan sebagai ubat penawar hati yang duka.

Firman Allah SWT dalam surah al-Isra' ayat 82 yang bermaksud :

"Dan Kami turunkan dengan beransur-ansur daripada al-Quran ayat suci yang menjadi ubat penawar dan rahmat bagi orang-orang yang beriman kepadanya".

Antara fungsi al-Quran adalah sebagai al-Huda (petunjuk), alFurqan (pemisah antara yang haq dan batil), al-Mubayyin (penjelas), ar-Rusyd (pengarah kepada setiap hal yang berguna), ar-Rahmat (sebagai rahmat), an-Nur (penerang kehidupan), as-Syifa' (penyembuh), dan lain-lain. Itu semua membuktikan betapa agungnya al-Quran. Sebagai contoh, merujuk kepada sejarah Saidina Umar bin AlKhattab R.A. yang pada mulanya adalah sebagai manusia yang bengis dan garang. Beliau telah memeluk Islam apabila beliau mendengar ayat-ayat al-Quran di bacakan. Oleh kerana hebatnya aura yang terdapat di dalam al-Quran, maka cairlah hati Umar R.A. yang keras itu, sehingga dengan serta merta menjadi lembut dan sedar bahawa ajaran Nabi Muhammad s.a.w sungguh indah dan mulia. Maka Umar tidak berfikir panjang lagi, lantas memeluk agama Islam dengan sepenuh hati dan ikhlas.

Peristiwa ini telah membawa Islam berkembang di padang pasir yang tandus. Inilah sebahagian keagungan al-Quran, yang dapat melembutkan hati yang keras dan kasar.

Al-Quran memberi pengajaran mengenai hubungan sesama manusia. Misalnya, ilmu yang berhubungan dengan masyarakat, pergaulan, ekonomi, kebudayaan yang semuanya telah dijelaskan dengan cara yang sangat menarik. Demikian juga mengenai sejarah silam, telah dijelaskan dengan kisah-kisah manusia di masa lampau.

Hari ini kita berada dalam suasana yang tidak memberangsangkan, disebabkan kurangnya penghayatan sebahagian umat Islam terhadap al-Quran. Keadaan ini menjelaskan seolah-olah umat Islam kurang yakin terhadap keistimewaan ajaran al-Quran. Kesan dari penyelewengan dan pengabaian ajaran tersebut nampak jelas dimana ramai umat Islam hari ini dihimpit dengan pelbagai masalah hidup seperti kemiskinan, kelaparan, kekecewaan baik dalam diri sendiri, mahupun dalam masyarakat.

Gejala sosial yang melanda umat Islam hari ini merupakan satu contoh yang paling ketara bahawa umat Islam membelakangkan alQuran. Senario yang berlaku menunjukkan orang-orang Islam terlibat dalam gejala sosial adalah sesuatu yang memalukan. Al-Quran telah menjanjikan balasan buruk terhadap mereka yang ingkar dari petunjuk al-Quran seperti firman-Nya dalam surah Taha ayat 124 yang bermaksud :

"Dan sesiapa yang bepaling ingkar dari ingatan dan petunjukKu maka sesungguhnya adalah baginya kehidupan yang sempit dan kami akan himpunkan dia pada hari kiamat dalam keadaan buta".

Nabi Muhammad s.a.w adalah pembawa risalah kemanusiaan yang menyeluruh. Manalaka al-Quran pula sebagai pedoman risalahnya, menyelesaikan segala persoalan yang dihadapi manusia.